

# MAHB kemuka rancangan komprehensif LTSAAS

Berita Harian · 22 Jun 2021 · Oleh Alzahrin Alias

Tiga bidang diberi tumpuan lokasi jadi taman aeroangkasa antarabangsa zahrin@bh.com.my



Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) sudah mengemukakan pelan rancangan strategi komprehensif bagi pembangunan jangka masa panjang Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) kepada kerajaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Mohd Shukrie Mohd Salleh, berkata rancangan itu akan dilaksanakan berdasarkan penanda aras dan pembabitan pihak berkepentingan yang turut dipantau oleh badan bebas.

Beliau berkata, tiga bidang tumpuan utama ditetapkan dalam rancangan MAHB itu adalah ekosistem aeroangkasa, perniagaan penerbangan dan lapangan terbang komuniti bandar. Katanya, ia bertujuan mendorong LTSAAS menjadi pusat penerbangan aeroangkasa dan perniagaan pilihan di Asia Pasifik dalam tempoh lima tahun akan datang.

“Sejak diamanatkan oleh kerajaan pada 2005 untuk mengembangkan LTSAAS menjadi taman aeroangkasa antarabangsa, MAHB sudah mengembangkan ekosistem sebanyak empat kali dengan menarik kehadiran 60 jenama terkenal serta memudahkan aliran masuk modal melebihi RM500 juta,” katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Shukrie berkata, LTSAAS

adalah lokasi tarikan utama bagi peserta industri penerbangan antarabangsa dan pada masa sama memberi keuntungan kepada peserta tempatan.

Katanya, ketika ini terdapat lebih 35 pengendali penerbangan tempatan dengan lebih separuh daripadanya adalah syarikat bumiputera.

“Sebagai contoh, LTSAAS adalah hab utama bagi Asia Aerotechnic (AAT), syarikat penyelenggaraan, serta pembaikan dan baik pulih (MRO) bebas domestik terbesar dengan pengiktirafan antarabangsa.

“Ia juga berfungsi sebagai hab pemecut untuk MARA dalam pembangunan dan pendidikan keusahawanan, selain kehadiran Malaysian Institute of Aviation Technology UNIKL,” katanya.

Beliau berkata, LTSAAS kini menempatkan kompleks aktiviti pembuatan dan aktiviti MRO bernilai tertinggi, mewujudkan lebih 4,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi serta teknikal dengan purata gaji antara RM4,000 hingga RM25,000 sebulan.

Beliau berkata, pada tahun lalu, ekosistem yang diwujudkan menjana RM5.7 bilion atau 50 peratus daripada pendapatan aeroangkasa negara.

Lantaran itu, katanya, MAHB melaksanakan pelan rancangan LTSAAS yang berupaya mengembangkan ekosistem penerbangan sebanyak tiga kali ganda, sekali gus meningkatkan kehadiran

LTSAAS disasar jadi pusat penerbangan aeroangkasa dan perniagaan pilihan di Asia Pasifik lima tahun lagi.

pengendali global dan domestik kepada lebih 100 syarikat.

“Ia berupaya mencipta dan menyokong 19,000 tenaga kerja berkemahiran tinggi.

“Pelan ini juga akan menerajui peralihan Malaysia ke arah Revolusi Industri 4.0 yang berasaskan industri teknologi tinggi dan negara berpendapatan tinggi dengan unjuran sumbangan lebih RM10 bilion daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Ini sangat sesuai dengan teras strategi yang dikenal pasti dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan akan mencapai sasaran Pelan Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Shukrie berkata, MAHB bersedia melaksanakan rancangan LTSAAS kerana mempunyai simpanan tunai dalaman yang mencukupi.

Pelan itu, katanya memerlukan

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Airports Holdings Bhd pelaburan infrastruktur sebanyak RM300 juta secara berperingkat dalam tempoh lima tahun akan datang.

“Ia sesuai dengan kemampuan kami kerana mempunyai wang tunai yang kukuh dan kedudukan pasaran wang berjumlah RM1.6 bilion dengan RM914.0 juta tersedia untuk operasi di Malaysia.

“Pelaburan untuk kemudahan siap atau siap dibina mudah difasilitasi melalui gabungan wang tunai dalaman dan juga pilihan pembiayaan projek,” katanya.

Sementara itu, sekumpulan kesatuan pekerja berkaitan lapangan terbang enggan LTSAAS diambil alih oleh mana-mana entiti perniagaan swasta.

Yang Dipertua Kesatuan Pekerja-pekerja Malaysia Airports Berhad Semenanjung (KESMA), Hussin Shahr, berkata LTSAAS adalah aset utama dan menjadi nadi dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sekali gus memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

Beliau berkata, LTSAAS harus menjadi milik rakyat dan bukannya entiti swasta atau individu selain Malaysia Airports Holding Bhd (MAHB) juga sudah mempunyai pelan pembangunan yang mantap, sistematik dan menyeluruh bagi memperkasa LTSAAS.